

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 12 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 06

## Larangan pembakaran terbuka di seluruh negara

Oleh YULPISMAN ASLI  
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 11 SEPT.

**B**ERIKUTAN jerebu yang melanda, larangan pembakaran terbuka di seluruh negara dikuatkuasakan sertamerta sehingga Monsun Barat Daya berakhir.

Larangan itu bagaimanapun dikecualikan kepada pembakaran mayat, pembakaran bagi tujuan keagamaan, gril/barbeku dan pembakaran gas mudah terbakar (flaring).

Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling, Norlin Jaafar berkata, larangan itu di bawah Seksyen 29AA(2), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang memberi kuasa kepada beliau mengeluarkan perintah berkenaan.

"Mereka yang disabitkan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau



SEKUMPULAN pelajar sekolah memakai penutup hidung dan mulut akibat jerebu ketika tinjauan di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARID JANUDIN

penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

"Kompaun maksimum sebanyak RM2,000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Norlin berkata, berikutan pengumuman itu, semua pihak diminta tidak melakukan pembakaran terbuka atau membi-

arkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Di samping itu, katanya, orang ramai di seluruh negara juga diminta memberi kerjasama untuk memadamkan keba-

karan kecil serta membuat laporan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi sebarang aktiviti pembakaran terbuka yang dikesan.

Laporan boleh dibuat melalui JAS di nombor 03-8889 1972 atau 1-800-88-2727, atau Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di talian 999.